

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Tuan Sim Tong Him [KOTA MELAKA]

TARIKH : 9 APRIL 2014

SOALAN :

Tuan Sim Tong Him [KOTA MELAKA minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang kedudukan kajian persempadanan semula kawasan Parlimen dan kawasan DUN oleh SPR:-

- (a)berapa buah kawasan Parlimen dan DUN tambahan yang akan terlibat dicadangkan dan negeri-negeri yang akan terlibat dalam pertambahan persempadanan semula ini; dan
- (b)nyatakan garis panduan dan kriteria yang diambil kira dalam kajian ini.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan terakhir persempadanan semula bahagian - bahagian pilihan raya Parlimen dan Negeri bagi Negeri-negeri Tanah Melayu dan Sabah ialah pada 21 Mac 2003. Ini berdasarkan kepada peruntukan Perkara 113 (10) Perlembagaan Persekutuan iaitu pada tarikh laporan dikemukakan kepada Perdana Menteri. Mengikut peruntukan Perkara 113 (2) (ii) Perlembagaan Persekutuan, SPR boleh mengulangkaji sempadan bahagian bahagian pilihan raya selepas 8 tahun dari tarikh selesainya proses persempadanan sebelum ini. Berdasarkan kepada peruntukan tersebut, SPR boleh menjalankan semula urusan persempadanan yang baru selepas 21 Mac 2011.

Bagi negeri Sarawak, urusan persempadanan bahagian pilihan raya negeri yang terakhir ialah pada 10 Jun 2005 dan mengikut peruntukan Perkara 113 (2) (ii) Perlembagaan Persekutuan, urusan persempadanan semula bagi negeri Sarawak hanya boleh dilakukan selepas 10 Jun 2013 yang lepas.

Dalam melaksanakan urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya tersebut, SPR akan melihat keseluruhan persempadanan di seluruh Negara termasuklah di negeri-negeri yang tiada perubahan bahagian-bahagian pilihan raya dalam urusan persempadanan sebelum ini. Perkara yang diambilkira

dalam membahagikan mana-mana unit kajian semula kepada bahagian-bahagian pilihan raya adalah berdasarkan kepada penetapan dan prinsip yang diperuntukkan di bawah Jadual Ketiga Belas, Bahagian I dan II, Perlembagaan Persekutuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kerusi tambahan sama ada di Parlimen atau DUN dan negeri yang terlibat dengan penambahan kerusi akan diketahui oleh semua pihak apabila SPR mempamerkan selama sebulan cadangan persempadanan untuk semakan dan rayuan yang akan dibuat oleh pihak-pihak yang berkecenderungan.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan mempersempadankan bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan Negeri adalah berlandaskan kepada prinsip-prinsip persempadanan dan tatacara persempadanan yang ditetapkan di bawah Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan serta di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang diperuntukkan di bawah Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan peruntukan yang ditetapkan oleh Perlembagaan, prinsip-prinsip persempadanan adalah seperti berikut:

- i. Kemudahan diadakan bagi pemilih-pemilih mengundi semasa pilihan raya dan bahagian pilihan raya tidak melanggar sempadan negeri;
- ii. Mengambil kira kemudahan pentadbiran yang boleh didapati dalam bahagian pilihanraya itu untuk mengadakan jentera yang perlu bagi pendaftaran dan pengundian;
- iii. Jumlah pemilih yang seimbang bagi setiap bahagian pilihan raya dalam sesuatu Negeri kecuali apabila terdapat

kesukaran perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi di luar bandar, luas bahagian pilihan raya patut diberi pertimbangan;

- iv. Mengekalkan perhubungan masyarakat tempatan.

Sekian, terima kasih.